

Waspada peminjam wang haram: BNM

Bank Negara Malaysia (BNM) meminta orang ramai berwaspada terhadap individu atau syarikat yang menjalankan aktiviti pemberian pinjaman wang haram menggunakan lesen palsu yang kononnya dikeluarkan oleh bank pusat itu.

Dalam satu kenyataan, BNM berkata pihak yang terbabit menyasarkan untuk memperdaya orang ramai supaya mempercayai mereka sebagai pemberi pinjaman wang berlesen

dan mengaburi orang ramai membuat pembayaran awal untuk pelbagai tujuan berkaitan pinjaman seperti perbelanjaan pentadbiran, duti setem dan yuran guaman.

"BNM tidak mengeluarkan lesen pemberian pinjaman wang. Perniagaan pemberian pinjaman wang dikawal selia mengikut Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 dan ditadbir oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan

Kerajaan Tempatan.

"Kegiatan penipuan ini dijalankan menerusi laman web, media sosial, panggilan telefon, SMS, e-mel atau dalam bentuk komunikasi lain," kata BNM.

Buat laporan polis

Bank pusat menggesa mangsa penipuan kewangan seperti ini supaya membuat laporan polis bagi membolehkan siasatan dijalankan, selain mengingatkan orang ramai supaya

sentiasa berwaspada terhadap mana-mana pihak yang mendakwa diberikan lesen oleh BNM.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya merujuk senarai institusi yang dilesenkan atau diluluskan mengikut undang-undang yang ditadbir oleh BNM, dengan melayari <http://www.bnm.gov.my> sebelum membuat sebarang transaksi perniagaan atau pelaburan.

BERNAMA